

STPM Kertas 1 2019:

Soalan 2 Jawapan yang dicadangkan

(a) Tiga perbezaan antara nota belum bayar dengan akaun belum bayar:

1. Tempoh kredit bagi akaun belum bayar sentiasa lebih pendek daripada tempoh kredit nota belum bayar.
2. Akaun belum bayar tidak mengenakan faedah dan, kadang kala, diskaun diberikan untuk penjelasan yang lebih cepat. Manakala, nota belum bayar mengenakan faedah dan penjelasan amaun hutang dan faedah dibuat pada akhir tempoh matang.
3. Akaun belum bayar boleh ditukarkan kepada nota belum bayar, tetapi nota belum bayar tidak boleh ditukarkan kepada akaun belum bayar.
4. Akaun belum bayar wujud daripada pembelian barang niaga secara kredit. Nota belum bayar boleh wujud daripada pembelian aset tetap, membuat pinjaman atau menukarkan obligasi semasa.

(b) Pelarasan untung bersih

	RM	RM
Untung bersih sebelum pelarasan		115,000
Tolak:		
Faedah NBB belum bayar ($10\% \times 57,000 \times 6/12$)	2,850	
Belanja ganti rugi kes mahkamah	12,500	
Belanja faedah pinjaman	9,600	24,950
Untung bersih terlaras		90,050

(ii) Penyata perubahan modal Perniagaan Amar bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Modal awal		378,000
Tambah:		
Modal tambahan	25,000	
Untung bersih	90,050	115,050
Modal akhir		493,050

(iii) Penyata kedudukan kewangan Perniagaan Amar pada 31 Disember 2017

	RM	RM	RM
Aset bukan semasa			
Premis			450,000
Kenderaan			95,000
			545,000
Aset semasa			
Bekalan alat ganti (20,000 – 4,800)		15,200	
Sekuriti boleh pasar		100,000	
Akaun belum terima		12,000	
Tunai (30,000 + 25,000)		55,000	
		182,200	
Tolak: Liabiliti semasa			
Akaun belum bayar	22,000		
Nota belum bayar	57,000		
Pinjaman (matang 2018)	12,000		
Faedah belum bayar	12,450		
Peruntukan ganti rugi kes mahkamah	12,500		
Peruntukan liabiliti waranti	10,200	126,150	
Modal kerja			56,050
			601,050
Dibiayai oleh			
Ekuiti pemilik			
Modal akhir			493,050
Liabiliti bukan semasa			
Pinjaman			108,000
			601,050